

LAMAN ALAMANDA MAJLIS PERBANDARAN KULIM



كردم سحر
KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

THE GREATER
KEDAH
EMPOWERING LIVES

Experience
KEDAH



KUNJUNGAN RASMI DARIPADA WORLD BANK KE MPKK

ISI KANDUNGAN

INFO PENGURUSAN

- Penganugerahan Darjah-Darjah dan Bintang-Bintang Kebesaran..... 03
- Pasar Pagi Sabtu Mahang :Pasar Terpanjang Tarikan Terbaru Di Kulim..... 04
- Kulim Smart Pay Terajui Masa Depan Tanpa Tunai Untuk Komuniti..... 05
- Majlis Graduasi Dan Konsert Tahunan Taska / Tadika Alamku 06
- Program Gong Xi Gong Xi MPKK..... 07
- Tempat Ketiga Kedah Cashless Tahun 2024 PBT..... 08
- Majlis Pecah Tanah Kilang Ferrotec Manufacturing Sdn Bhd 09
- Hubungan Strategik Mpkk Bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM)..... 10
- MPKK Komited - Pembangunan Kulim Secara Holistik..... 10
- Taklimat Program Healthy Food Court..... 11
- MPKK Terima Kunjungan Rasmi Delegasi World Bank..... 12
- Lensa MPKK Terima Kunjungan Rasmi Delegasi World Bank 13
- Majlis Malam Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPKK 2024 – Dedikasi Diiktiraf, Prestasi Dijulang..... 14
- Lensa Majlis Makan Malam Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPKK 2024 – Dedikasi Diiktiraf, Prestasi Dijulang..... 15
- Bicara Aspirasi Dan Motivasi The Greater Kedah “Menjana Semangat, Memacu Pembangunan”..... 19
- Temuduga Calon Penyewa Gerai Majlis..... 20
- Kunjungan Hormat Penguku Hubungan MPKK dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)..... 20

INFO POGRAM / ACARA

- Gotong-royong Sempena Walkabout Premis Bersih, Bebas Asap (BeBAs) Dan Karnival Kedah Sihat..... 21
- Program Premis Bersih, Bebas Asap (BeBAs) Peringkat Negeri Kedah..... 22
- Majlis Penyerahan Projek Maahad Tahfiz Sains Darul Aman 23
- Majlis Kesyukuran Sempena Sambutan Bulan Ramadan 2025 23
- Mini Pelancaran Ops Ramadan 2025 Daerah Kulim Dan Walkabout..... 24
- Ceramah Ramadan 1446H/2025 – Menghayati Bulan Mulia 25
- Majlis Penutup Tadarus 1446H/2025, PUSPANITA MPKK.. 25
- Majlis Penutup Tadarus Al-Quran Dan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri 2025..... 26
- Program Kasih Ramadan Dan Sumbangan Aidilfitri 2025.... 27
- Program Jerayawara Bazar Ramadan Kelang Lama..... 28
- Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 1446H/2025M..... 29
- Lensa Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 1446H/2025M..... 30
- Unity Fest Kulim 2025 : Hidup Bersama Harmoni..... 31
- Program Komuniti Lestari LA21 : Hidup Bersama Harmoni 2025 32
- Kemeriahan Karnival Harmoni Keluarga Kulim 2025 Eratkan Jalinan Warga Kulim..... 33
- Ibadah Qurban MPKK 2025 : Semarak Ukhwah, Tulus Pengorbanan..... 34

INFO LATIHAN/BENGKEL

- Bengkel Tatacara Dan Bidang Tugas Warden Trafik..... 35
- Bengkel Transformasi Digital : National BIM E-Submission Bagi Kelulusan Pelan Bangunan..... 35
- Bengkel “Focus Group Discussion” (FGD) Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Dan Mampan Kulim 2025..... 36
- Kursus Pengendalian Aduan Pelanggan..... 36

INFO DELEGASI

- Mesyuarat Pelarasan Penganjuran Konvesyen Wanita Dan Undang-undang Peringkat Negeri Kedah Tahun 2025..... 37
- Lawatan Penandaarasan Majlis Daerah Marang (MDM)..... 37
- Kunjungan Hormat Founder Dan Chairman Eve Energy..... 37
- Kunjungan Pelabur China..... 38
- Sesi Libat Urus MPKK Bersama Industrial Park Management Committee (IPMC)..... 38
- Lawatan Pra Audit Dan Pasca Audit Projek Infra..... 39

INFO OPERASI

- Operasi Bersepadu Premis Makanan 40
- Operasi Bersepadu Premis Makanan Dan Periklanan..... 41

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBhg. Dato’ Haji Elmi bin Yusoff,
DSDK., PSD.,PMW., SDK., AMK., KAT., AMN., BCK.
Yang Dipertua MPKK

PENASIHAT

Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, AMK., BCK.
Puan Setiausaha MPKK

KETUA EDITOR

Puan Munira binti Abdul Rahim
Ketua Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

EDITOR

Puan Norhasnida binti Othman
Pembantu Tadbir
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

JURUFOTO

Encik Syaiful Adnan Bin Othman
Pembantu Operasi
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

SIDANG EDITORIAL / SUMBER MAKLUMAT

Jabatan Khidmat Pengurusan
Jabatan Perbendaharaan
Jabatan Perancangan Dan Landskap
Jabatan Kawalan Bangunan
Jabatan Kesihatan Persekitaran
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penguatkuasaan
Jabatan Kejuruteraan
Unit Undang-Undang
Unit OSC
Bahagian Pembangunan Organisasi
Bahagian Pengurusan Maklumat

KONSEP DAN PENERBITAN

Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Perbandatran Kulim

**PENERIMA ANUGERAH SEMPENA
SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
TUNKU SULTAN NEGERI KEDAH**

Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima pingat sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah Darul Aman ke-83.

MPKK dengan penuh hormat menzahirkan setulus penghargaan atas sumbangan cemerlang dan komitmen tinggi para penerima dalam memperkasa mutu perkhidmatan serta menyokong pembangunan berterusan Negeri Kedah.



PINGAT AHLI MAHKOTA KEDAH (AMK)
PUAN NOORUL AZYYATI BINTI AHMAD SALMI, AMK., BCK.
SETIAUSAHA



PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K)
PUAN NORIAH BINTI RAMLI, P.J.K.
AHLI MAJLIS



BINTANG PERKHIDMATAN CEMERLANG (BCK)
PUAN HASNITA BINTI MOHD HASHIM, BCK.
PENOLONG PENGARAH, BAHAGIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI



PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG KEDAH (PCK)
ENCIK AZAMI BIN KASSIM, PCK.
PEMBANTU TADBIR, JABATAN KEJURUTERAAN



**PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG
KEDAH (PCK)**
PUAN ROZIAH BINTI SUDIN, PCK.
PEMBANTU TADBIR, JABATAN KHIDMAT PERGURUSAN



PINGAT PERKHIDMATAN LAMA (PPL)
ENCIK SUHAIMI BIN MOHAMAD ISA, PPL.
PEMBANTU TADBIR, JABATAN PERANCANGAN DAN
LANDSKAP



PINGAT PERKHIDMATAN LAMA (PPL)
ENCIK YUSRI BIN MD. YUSOFF, PPL.
PEMBANTU KHIDMAT AM, JABATAN BANGUNAN

PASAR PAGI SABTU MAHANG : PASAR TERPANJANG TARIKAN TERBARU DI KULIM



4 Januari 2025 - Sebanyak 440 tapak gerai yang melibatkan hampir 400 peniaga menyertai Pasar Pagi Sabtu Mahang anjuran Jawatankuasa Pengelola Pasar Pagi Sabtu Mahang dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) yang bertempat di Jalan Simpang Empat Kg. Lobak – Sungai Batu, menjadikannya salah satu pasar pagi terbesar di Negeri Kedah!

Pasar ini bukan sahaja menjadi destinasi membeli-belah, tetapi juga simbol ekonomi setempat yang menyokong perniagaan kecil dan sederhana di Daerah Kulim. Pasar dengan jarak sepanjang 3KM ini boleh dilihat sebagai pasar pagi terpanjang dengan pelbagai pilihan barang jualan.

Pelancaran rasmi Pasar Pagi Sabtu Mahang ini telah disempurnakan oleh YB. Dato' Ustazah Hajjah Siti Ashah Binti Haji Ghazali, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Kemiskinan, dan Pembangunan Insan Negeri Kedah.

Program perasmian ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK; Tuan Haji Mohd Khairi bin Mohd Salleh, Ahli Majlis Zon 4 juga selaku Penasihat Jawatankuasa Pengelola Pasar Pagi Sabtu, Encik Ahmad Shakir bin Arus, Pengarah Jabatan Kesihatan, MPKK; Puan Uzwana binti Mahmud, Pegawai Kawasan Zon 4; En Zainol selaku wakil Jawatankuasa Mahang Zon 4; Ahli-Ahli Majlis MPKK dan ahli jawatankuasa yang terlibat.





KULIM SMART PAY TERAJUI MASA DEPAN TANPA TUNAI UNTUK KOMUNITI

5 Januari 2025 – Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah melancarkan Kulim Smart Pay (KSPay). Aplikasi ini merupakan penambahbaikan daripada aplikasi Kulim Smart Parking yang sedia ada. KSPay memudahkan transaksi tanpa tunai untuk perkhidmatan seperti pembayaran cukai taksiran, sewaan premis, dan pelbagai kompaun, sekaligus mempromosikan kemudahan, kecekapan, dan keselamatan.

Majlis pelancaran Kulim Smart Pay ini telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor, Menteri Besar Kerajaan Negeri Kedah. YAB Dato' Seri dalam ucapannya berkata “Segala usaha ini adalah manifestasi komitmen kita untuk memastikan rakyat, khususnya di daerah Kulim, dapat menikmati kemudahan yang lebih baik dan efisien dalam urusan harian. Ia juga selaras dengan visi kita untuk menjadikan Kedah sebagai sebuah negeri yang moden dan berinovasi. Ini juga merupakan inisiatif ke arah pendigitalisasi perkhidmatan awam”.

“Pada hari ini, kita juga dapat melihat bagaimana kerjasama antara pihak Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan sektor swasta telah menghasilkan satu platform yang sangat memberi impak positif kepada masyarakat. Ini adalah satu contoh terbaik bagaimana inisiatif awam-swasta dapat membantu memperbaiki sistem perkhidmatan di peringkat akar umbi”.

Turut hadir, Yang Berbahagia Dato' Haji Mohd Fauzi Bin Mustaffa, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah; Yang Berhormat Mejar (B) Mansor Bin Zakaria, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan Negeri Kedah Darul Aman; Yang Berusaha Encik Amir Zahini Bin Sahrim Mewakili CEO Heitech Padu Berhad, seterusnya YB Ahli Parlimen, ADUN pemimpin tempatan, ketua-ketua dan wakil agensi negeri dan daerah, Ahli-Ahli Majlis serta komuniti tempatan.



MAJLIS GRADUASI DAN KONSERT TAHUNAN TASKA / TADIKA ALAMKU MPKK

18 Januari 2025 - Majlis Graduasi dan Konsert Tahunan Taska / Tadika Alamku MPKK yang bertempat di Dewan Alamanda, Kulim Inn MPKK telah berlangsung dengan penuh meriah. Dengan tema retro yang penuh nostalgia, majlis ini diadakan untuk meraikan kejayaan anak-anak yang telah berjaya bergraduasi dan menunjukkan pencapaian cemerlang dalam pembelajaran.

Penyampaian hadiah kepada para graduan cilik telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK; YBhg. Datin Azlina binti Md. Zuki, Pengerusi Puspanita Cawangan Kecil Daerah Kulim, dan Puan Noorul Azzyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK.

Majlis turut dihadiri oleh Encik Halimin bin Lahaming, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MPKK; Puan Hasnita binti Mohd Hashim, Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi MPKK, dan Encik Eqbadarudinniah bin Ahmad, Penolong Pegawai Penilaian, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPKK, yang bersama-sama memeriahkan majlis ini.

Majlis Graduasi dan Konsert Tahunan Taska / Tadika Alamku MPKK 2025 ini telah mencipta memori yang penuh bermakna bagi semua yang hadir.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu bapa yang hadir memberikan sokongan padu, serta kepada semua pihak urus setia yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis ini dengan sempurna.





EDISI 01 2025

PROGRAM GONG XI GONG XI MPKK

23 Januari 2025 – Program Gong Xi Gong Xi sempena sambutan Tahun Baharu Cina 2025 telah dilaksanakan dengan begitu lancar dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan.





TEMPAT KETIGA KEDAH CASHLESS TAHUN 2024 BAGI KATEGORI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

14 APRIL 2025 - Sesi penyampaian anugerah Majlis Apresiasi *Cashless* Kerajaan Negeri Kedah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Wira Haji Syed Khairol Anuar bin Syed Abidin, Pegawai Kewangan Negeri Kedah, kepada YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK), sebagai pengiktirafan rasmi terhadap pencapaian tersebut.

Turut hadir dalam sesi penerimaan anugerah tersebut ialah Puan Che Murshiha binti Makhtar, Pengarah Jabatan Perbendaharaan serta Puan Intan Nurfairul Huda binti Md Yusoff, Ketua Bahagian Hasil yang bersama-sama menerima trofi, 'mock cheque' dan sijil pengiktirafan. Majlis penyampaian anugerah ini telah diadakan bertempat di Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman.

Kejayaan ini merupakan simbol usaha gigih dan komitmen tinggi MPKK dalam melaksanakan perkhidmatan tanpa tunai secara menyeluruh ke arah pentadbiran yang lebih efisien, telus dan selamat. Inisiatif *cashless* ini bukan sahaja mempercepatkan urusan perkhidmatan, malah membuka ruang lebih luas ke arah transformasi digital yang progresif dan memudahkan akses rakyat kepada perkhidmatan majlis dengan lebih selesa dan berteknologi.

Semoga kejayaan ini menjadi dorongan kepada seluruh warga kerja MPKK untuk terus memperkukuh usaha ke arah kecemerlangan perkhidmatan yang mesra rakyat, moden dan selari dengan aspirasi negeri Kedah ke arah Greater Kedah.



MAJLIS PECAH TANAH KILANG FERROTEC MANUFACTURING SDN BHD

22 April 2025 - Kulim terus melakar sejarah sebagai destinasi pelaburan teknologi tinggi. Majlis Pecah Tanah Kilang Ferrotec Manufacturing Sdn. Bhd. sebuah pelaburan strategik yang bakal memperkukuh lagi kedudukan Kulim Hi-Tech Park sebagai nadi industri semikonduktor dan pembuatan berteknologi tinggi.

Ferrotec Manufacturing Sdn Bhd sebuah peneraju global dalam pembuatan komponen untuk industri semikonduktor, elektronik berteknologi tinggi, dan peralatan fabrikasi bahan. Kilang ini bakal menjadi pemacu utama kepada rantai bekalan global, serta membuka peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada penduduk tempatan.

Kilang ini merupakan kilang ke-2 yang didirikan selepas kejayaan menyiapkan kilang pertama Ferrotec dalam masa 14 bulan di tapak FASA 4, Kulim Hi-Tech Park. Kilang kedua ini bertempat di Kawasan Perindustrian Global View, Kulim.

Pihak MPKK dihadiri oleh Ar. Haji Mohd Nazri Bin Harun, Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan; Pmgr. Fauziah binti Abdul Motalib, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta; Encik Mohd Syarizal bin Ishak, Pengarah Unit Audit Dalam, dan wakil Jabatan Perancangan dan Landskap MPKK. MPKK amat menyokong dan menggalakkan pelaburan strategik dan pembangunan ekonomi berimpak tinggi di kawasan ini.

Komitmen MPKK ke arah pelaburan mampan, teknologi pintar, dan pembangunan mampan antaranya melalui pelaksanaan inisiatif E10 MPKK. Bersama kita jayakan masa depan Kulim sebagai hab industri teknologi canggih yang inklusif dan lestari.

HUBUNGAN STRATEGIK MPKK BERSAMA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)

24 April 2025 - YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim (MPKK), telah berbesar hati memenuhi jemputan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM, Kuala Lumpur.



Dato' Yang Dipertua MPKK juga berkesempatan membuat kunjungan hormat terhadap Jeneral Datuk Hj Mohd Nizam bin

Hj Jaffar, Panglima Angkatan Tentera (PAT).

Kemesraan yang terjalin diharap akan terus memperkukuh kolaborasi erat dalam usaha membangunkan negara dan kesejahteraan rakyat.



MPKK KOMITED (PEMBANGUNAN KULIM SECARA HOLISTIK)

29 April 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah mengadakan Mesyuarat Majlis Penuh Bilangan 4/2025 bertempat di Bilik Gerakan SUK, Wisma Darul Aman. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Yang Dipertua MPKK, YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff.

Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK; Ahli Majlis MPKK, wakil-wakil agensi kerajaan Daerah Kulim serta pengarah dan penolong pengarah jabatan di bawah pentadbiran MPKK. Kehadiran semua ahli mesyuarat ini mencerminkan komitmen bersama dalam memastikan pelaksanaan dasar serta program pembangunan dilaksanakan secara bersepadu dan efektif.

MPKK sentiasa komited untuk mentadbir dengan cekap, telus dan berintegriti demi merealisasikan visi menjadikan Kulim sebagai sebuah bandar pintar, hijau dan sejahtera.





TAKLIMAT PROGRAM HEALTHY FOOD COURT

06 Mei 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kulim telah menganjurkan Sesi Taklimat Program Healthy Food Court yang berlangsung dengan penuh informatif dan komitmen tinggi daripada semua pihak terlibat di Dewan Alamanda Kulim Inn, Kulim.

Program ini bertujuan mewujudkan komuniti yang menyokong perubahan ke arah gaya hidup sihat melalui pendekatan “Healthy Setting”, selaras dengan matlamat menjadikan kawasan makanan awam sebagai ruang yang lebih bersih, sejahtera dan menyihatkan. Tiga medan selera terpilih di bawah seliaan MPKK telah dikenal pasti untuk pelaksanaan program ini, iaitu Medan Selera Lembah Impiana, Medan Selera Stesen Bas Kulim dan Pusat Penjaja Stadium Kulim.

Para pengusaha serta penyewa gerai daripada ketiga-tiga lokasi ini hadir bagi mendalami objektif serta pelaksanaan inisiatif *Healthy Food Court* dengan lebih mendalam.

Taklimat dimulakan dengan ucapan aluan oleh Encik Ahmad Shakir bin Arus, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran MPKK; dan diteruskan dengan pengisian yang berinformatif antaranya pengenalan *Healthy Setting* oleh Dr. Siti Noor Khamariah Ramli, Pegawai Perubatan, PKD Kulim; Pengiktirafan Bersih dan Selamat (BeSS) oleh Puan Siti Nur Amirah Binti Azuddin, Pegawai Teknologi Makanan; serta *War On Sugar* oleh Puan Nurris Saadah Binti Md Ghazali, Pegawai Sains Pemakanan.

Ucapan penutup disempurnakan oleh Dr. Zuraidah Binti Zaidun, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, PKD Kulim. Semoga usaha ini menjadi titik tolak kepada perubahan positif dalam komuniti Kulim demi medan selera yang lebih bersih, selamat dan sihat untuk semua.





MPKK TERIMA KUNJUNGAN RASMI DELEGASI WORLD BANK

14 Mei 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) dengan penuh hormat menerima kunjungan rasmi daripada delegasi *World Bank* yang dihadiri oleh Ms. Zenaida Hernandez Uriz, *Senior Private Sector Specialist* dan Dr. Moonyati Mohd Yatid, *Senior Private Sector Specialist*.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK amat berbesar hati menerima kunjungan ini dan dalam ucapan alu-aluannya, merakamkan ucapan penghargaan atas kunjungan hormat daripada pihak *World Bank*.

Lawatan ini merupakan simbolik komitmen bersama dalam memperkukuh kerjasama strategik berterusan untuk pembangunan sosioekonomi serta perancangan bandar yang lestari, dan inovasi pembangunan ekonomi di daerah Kulim.

Sesi taklimat disampaikan oleh TPr. Mohammad Fadhlan bin Ibrahim, Pengarah, Jabatan Perancangan dan Landskap MPKK telah memperincikan inisiatif E10 sebagai teras utama pembangunan bandar pintar dan mampan. Pada kesempatan ini juga, delegasi turut dibawa untuk bersama-sama melihat perkongsian amalan baik dalam perancangan pembangunan bandar khususnya untuk melihat antara inisiatif dan pelaksanaan projek Bandar Pintar MPKK seperti *Kulim Intelligent Command Centre* (KICC), *National BIM e-Submission* (NBes), dan Sistem Pangkalan Data Bersepadu MPKK (KIDs).

Lawatan diteruskan ke Kilang EVE Energy Malaysia Sdn. Bhd. yang bertempat di kawasan strategik *Kulim Industrial Corridor 7* (KIC 7), Padang Meha, Kulim, yang kini menjadi antara contoh rintisan pengaplikasian proses E10 secara holistik dalam perindustrian di daerah Kulim. Delegasi turut dibawa melawat ke kawasan rekreasi Sungai Sedim, salah satu destinasi ekopelancongan unggul di daerah Kulim. Lawatan ini bukan sahaja memberi peluang kepada para tetamu untuk menikmati keindahan semula jadi, malah turut melaksanakan penanaman pokok sebagai komitmen bersama terhadap pemeliharaan alam sekitar.

Kunjungan ini turut dihadiri oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK; Encik Mohamad Azrol bin Mohamad Dali, Pengarah MPC Wilayah Utara; Puan Rabiatal Hana binti Ishak, Pengerusi Bahagian Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan kehadiran agensi strategik seperti MIDA, JKR, JPS dan SADA serta barisan pengarah serta pegawai MPKK.



LENSA

KUNJUNGAN RASMI
DELEGASI WORLD BANK





MAJLIS MALAM ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MPKK 2024 DEDIKASI DIKTIRAF, PRESTASI DIJULANG

22 Mei 2025- Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah mengadakan majlis penuh gemilang yang menyatukan penghargaan, kenangan dan semangat kecemerlangan bertempat di Hotel Ixora, Pulau Pinang. Majlis tersebut bukan sekadar meraikan kecemerlangan semata-mata, tetapi turut menzahirkan penghormatan kepada anggota yang telah menabur bakti dengan sepenuh jiwa demi kemajuan MPKK.

Majlis ini turut memberi penghormatan kepada para pesara yang telah menyumbang kepada pembangunan MPKK. Pesara yang diraikan ialah TPr. Haji Hamzah bin Ab Halim, Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap; Ar. Haji Mohd Nazri bin Harun, Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan, serta Encik Azami bin Kasim, Pembantu Tadbir dari Jabatan Kejuruteraan.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK dalam ucapannya berkata, "kejayaan MPKK hari ini adalah hasil usaha seluruh pasukan. Kerjasama erat antara semua jabatan amatlah penting untuk membawa MPKK ke tahap seterusnya. Dato' Yang Dipertua turut menekankan bahawa nasihat dan pengalaman para pesara masih diperlukan sebagai panduan dalam perjalanan MPKK ke taraf bandaraya.

Majlis diteruskan dengan sesi penyampaian anugerah-anugerah khas sebagai simbol pengiktirafan kepada anggota MPKK yang menunjukkan prestasi cemerlang. Antaranya ialah penyampaian sijil penghargaan kepada pesara MPKK, Anugerah Integriti, Anugerah Jasa, Anugerah Kepimpinan Cemerlang, Anugerah Prestasi Khas bagi Personel MySTEP dan kemuncaknya Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Penyampaian disempurnakan oleh YBhg. Dato' Yang Dipertua MPKK, diiringi oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK.

Turut hadir, YBhg. Datin Azlina binti Md. Zuki, Pengerusi PUSPANITA MPKK, Tuan Haji Badrol Hisam bin Mohd Yusof selaku Ketua Whip Ahli Majlis MPKK, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah Jabatan, Ketua-Ketua Bahagian dan Unit serta anggota MPKK. Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah!

LENSA MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2024



TPr. Haji Hamzah bin Ab Halim



Ar. Haji Mohd Nazri bin Harun



Pn .Intan Nurfairul Huda bt Md. Yusoff



En. Firdaus bin Ahmad



Pn. Nurhafza binti Md Saad



Pn. Azlina binti Salleh, PCK



Pn. Ummi Kalsom binti Ishak, PCK



En. Hamdan bin Zarkasi



En. Muhamad Nazif bin Abdul



En. Muhammad Hakimi bin Abdil Halim



En. Md. Nasirudin bin Karia



En. Mohammad Khairy bin Hassan



En. Yusri bin Md. Yussof



En. Shaiful bin Adnan



En. Mohd Fitri bin Zakaria



Cik. Nur Azilah binti Abdul Aziz



En. Zainal Ariffuddin bin Abdullah Wawi



En. Jafri bin Che Pa @ Harun

LENSA MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2024



En. Muhammad Effendy bin Haji Abu



Pn. Roziah binti Sudin



En. Mohamad Fauzi bin Che Nai



Pn. Faizah binti Pear Mohamad, PJK



En. Suhaimi bin Mohamad Isa



En. Idris bin Din



En. Zurainan bin Ramli

En. Roslan bin Mohd Yusoff
En. Mohd Azizi bin Saad
En. Mohd Zaidi bin Shaffie
En. Mohd Noor bin Abdullah

PENERIMA ANUGERAH PRESTASI KHAS PERSONEL MYSTEP 2024



En. Muhammad Arzuan bin Abu Kassim



Pn. Nurfarahin binti Jefri

LENSA MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

PENERIMA ANUGERAH INTEGRITI
2024



En. Mohd Hafiz bin Md Akhir



Pn. Hasnita binti Mohd Hashim,



En. Mohd Shaznizal bin Mohd



En. Mohd Daniel bin Zainol Abidin



En. Alif bin Hamzah



En. Muhammad Naim bin Yahaya



En. Jasni bin Mohamad



Pn. Nurfahanim binti Shaiful Shukri

PENERIMA ANUGERAH KEPIMPINAN CEMERLANG
2024



En. Eqbadarudinniah bin Ahmad



Pn. Haslana binti Hashim



En. Riansyah Annai Minsai bin
Abdullah



Pn. Uzwana binti Mahmud

En. Muhsin bin Hussain

LENSA MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

PENERIMA ANUGERAH JASA
2024



En. Shahizan bin Abdul Razak,
PCK



Tc. Norafzaliza binti Ibrahim, BKM., PCK.



En. Badrolhisham bin Osman,
PCK



Pn. Aspalela binti Ibrahim, PCK

Pn. Tunku Nuzian Aza binti Tunku
Fathani

PEGAWAI BERSARA
2025



TPr. Haji Hamzah bin Ab Halim



Ar. Haji Mohd Nazri bin Harun



En. Azami bin Kassim, PCK

En Roslan bin Mohd Yusoff

En Mohd Azizi bin Saad

En Adnan bin Shuib



BICARA ASPIRASI DAN MOTIVASI THE GREATER KEDAH “MENJANA SEMANGAT, MEMACU PEMBANGUNAN”

17 Jun 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menganjurkan program Bicara Aspirasi dan Motivasi “The Greater Kedah” bersama Yang Berhormat Dr. Haim Hilman bin Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Pengajian Tinggi dan Sains, Teknologi dan Inovasi bertempat di Dewan Bandaran Kulim.

Program ini bertujuan untuk memperkukuh semangat dan iltizam warga MPKK dalam usaha membangunkan daerah Kulim serta menyokong aspirasi pembangunan negeri Kedah yang terus berkembang pesat.

Program ini menjadi platform untuk mengukuhkan semangat, meningkatkan integriti dan profesionalisme di kalangan warga MPKK yang berperanan sebagai pemangkin kepada perubahan, bakal membentuk Kulim sebagai bandar yang lebih dinamik dan progresif.

Yang Berhormat Dr. Haim Hilman bin Abdullah, dalam ucapannya berkongsi aspirasi semangat gagasan “The Greater Kedah”. “Kulim diharapkan agar bukan hanya sekadar menjadi tumpuan untuk peluang pekerjaan, tetapi juga menjadi destinasi untuk membina kehidupan yang lebih baik”.

YB Dr. Haim Hilman menegaskan bahawa kejayaan pembangunan Kulim memerlukan kerjasama yang erat antara pihak berkuasa tempatan, negeri, dan persekutuan. “Pentingnya ilmu, iman, dan integriti dalam setiap langkah yang diambil dalam melaksanakan tugas dan amanah. Rasa tanggungjawab dan empati harus menjadi asas dalam setiap tindakan dan keputusan yang diambil. Keikhlasan dan kesungguhan adalah kunci untuk membina Kulim sebagai contoh terbaik pembangunan di Kedah dan negara.”

Dalam kesempatan ini, kesungguhan dan komitmen seluruh warga MPKK untuk mencapai impian menjadikan Kulim sebuah bandar yang mampan turut ditekankan. Dengan usaha bersama, setiap impian pembangunan akan dapat dicapai. “Kulim akan terus berkembang, maju, dan menjadi kebanggaan bagi seluruh warga Kedah. Hal ini merupakan langkah yang luas untuk memastikan legasi pembangunan yang akan dikenang oleh generasi akan datang.”

Turut hadir, Tuan Haji Badrol Hisam bin Mohd Yusoff, BKM Ketua Whip Ahli Majlis MPKK, ahli-ahli majlis, ketua-ketua jabatan, serta warga kerja MPKK.

TEMUDUGA CALON PENYEWA GERAI MAJLIS

18 Jun 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah mengadakan sesi temuduga untuk pemilihan penyewa gerai-gerai kosong milik MPKK. Temuduga ini berlangsung di Bilik Jawatankuasa MPKK dan telah dihadiri oleh 57 orang calon.

Sesi temuduga ini dikendalikan oleh barisan panel yang terdiri daripada Encik Mohammad Iskandar Shah bin Ibrahim, Ahli Majlis Zon 03; Encik Mohd Saifuddin bin Hassan, dan Ahli Majlis Zon 14; Puan PMgr. Sr. Fauziah binti Abdul Mutalib, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta; Encik Mohamad Firdaus bin Saidin, Ketua Bahagian Peniaga Kecil dan Penjaja; serta Encik Badrul Hisyam bin Mohamad Dir, Penolong Pegawai Undang-Undang.

Antara lokasi gerai yang ditawarkan termasuklah di Pusat Penjaja Taman Lobak, Pusat Penjaja D'Suria, Arked Seri Makmur, Kiosk Mini Stadium, Kiosk SMK Kulim dan Kiosk Pondok Bas Taman Seluang.

Program ini dapat membantu penduduk tempatan untuk memulakan perniagaan secara sah dengan sokongan MPKK, sekali gus menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan memberi manfaat kepada masyarakat.



KUNJUNGAN HORMAT PENGUKUH HUBUNGAN MPKK DAN TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (TUDM)

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah mengadakan kunjungan hormat ke Kolej Tentera Udara (TUDM), Alor Setar, Kedah pada 12 Mei 2025. Ketibaan Dato' Yang Dipertua telah disambut mesra oleh YBhg. Brig. Jen. Ramli bin Mohd Abd Jabar, Komandan Kolej Tentera Udara.

Pertemuan ini menjadi medan untuk memperkukuh hubungan dua hala antara pihak berkuasa tempatan dan institusi pertahanan negara, khususnya dalam aspek pembangunan, keselamatan dan kerjasama komuniti.

Semoga jalinan strategik ini terus diperkasa demi kesejahteraan dan keselamatan rakyat.





GOTONG – ROYONG SEMPENA WALKABOUT PREMIS BERSIH, BEBAS ASAP (BeBAS) DAN KARNIVAL KEDAH SIHAT

03 Februari 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah melaksanakan program gotong-royong pembersihan di kawasan Medan Selera Stesen Bas dan Teksi Kulim, serta Medan Selera Tasik Kulim. Aktiviti ini merupakan sebahagian daripada inisiatif *Walkabout* Premis Bersih, Bebas Asap (BeBAS) dan Karnival Kedah Sihat 2025 anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Kedah yang bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, sihat, dan selesa bagi masyarakat.

Gotong Royong ini melibatkan kerjasama agensi seperti Pejabat Daerah Kulim, Pejabat Kesihatan Daerah Kulim, SWCorp, E-Idaman Sdn. Bhd. dan juga jabatan-jabatan dalaman di MPKK, termasuk Jabatan Kesihatan Persekitaran, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, serta Jabatan Kejuruteraan. Selain membersihkan kawasan, program ini juga menggalakkan amalan hidup sihat dan kesedaran tentang pentingnya persekitaran bersih.

Melalui inisiatif seperti ini, MPKK komited dalam usaha memastikan kesejahteraan dan kebersihan kawasan awam di Kulim, serta terus menyokong matlamat Kedah Sihat 2025.



PROGRAM PREMIS BERSIH, BEBAS ASAP (BeBAs) PERINGKAT NEGERI KEDAH



9 Februari 2025 – Program Premis Bersih, Bebas Asap (BeBAs) peringkat negeri Kedah yang dianjurkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Kedah telah berlangsung dengan jayanya pada 08 dan 09 Februari 2025. Acara ini mendapat sokongan penuh daripada Yang Berhormat Dato Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, yang turut hadir merasmikan program tersebut.

Program ini juga dihadiri oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) yang turut bersama atau turun padang dalam sesi Walkabout Premis BeBAs di perkarangan Stesen Bas Kulim pada 09 Februari 2025. Sesi ini bermula seawal jam 9.00 pagi dengan taklimat ringkas kepada peserta *walkabout* yang terdiri daripada pegawai kesihatan, dan wakil media, sebelum mereka memulakan lawatan ke premis-premis yang telah diiktiraf dengan status BeSS (Bersih, Sihat, Selamat).

Lawatan tersebut merangkumi semua kiosk dan gerai Medan Selera di Stesen Bas Kulim. Sepanjang lawatan tersebut, Timbalan Menteri Kesihatan turut menyempurnakan upacara penyampaian plak BeSS dan papan tanda larangan merokok kepada premis-premis terpilih sebagai tanda pengiktirafan terhadap usaha mereka mengekalkan persekitaran yang bersih dan selamat.

Turut hadir bersama, Encik Ahmad Shakir bin Arus, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran MPKK, serta pegawai dan anggota yang terlibat. Para pengunjung yang hadir berpeluang untuk beramah mesra dengan wakil kerajaan serta memberikan pandangan mereka mengenai inisiatif BeBAs ini, yang bertujuan memupuk kesedaran dalam mencipta persekitaran bebas asap rokok demi kesihatan bersama.

Program ini bukan sahaja berfungsi untuk menjaga kebersihan premis, tetapi juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan mewujudkan persekitaran yang lebih sihat dan selamat untuk semua.



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK MAAHAD TAHFIZ SAINS DARUL AMAN



20 Februari 2025 - Majlis Penyerahan Projek Maahad Tahfiz Sains Darul Aman yang terletak di Jalan Pegawai, Kulim telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor, Menteri Besar Kedah. YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim turut hadir dalam majlis ini.



Projek ini merupakan usaha penting dalam memperkasa pendidikan tahfiz dan sains di negeri Kedah, dengan harapan dapat membuka peluang yang lebih luas untuk generasi masa depan yang cemerlang dalam kedua-dua bidang. Majlis ini turut mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam membangunkan sektor pendidikan demi kesejahteraan masyarakat.



Taklimat Penyerahan Projek disampaikan oleh YBrs. Ir. Mohd Faisal bin Ismail, Pengarah JKR Negeri Kedah, sebelum dokumen penyerahan ditandatangani dan diserahkan kepada Yang Berhormat Dato' Wira Haji Syed Khairul Anuar bin Syed Abidin, Pegawai Kewangan Negeri Kedah.

Projek ini dibiayai sepenuhnya melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan telah berjaya disiapkan serta menerima penilaian Qlassic oleh CIDB.

MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN BULAN RAMADAN 2025

26 Februari 2025 - Kelab Kebajikan dan Sukan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menganjurkan Majlis kesyukuran sempena menyambut bulan Ramadan 2025 sebagai persediaan menyambut bulan penuh keberkatan ini.

Majlis ini diadakan bertempat di Perkarangan Surau Az-Zuhud, MPKK. Para anggota MPKK turut serta dalam aktiviti gotong-royong memasak, diikuti dengan bacaan tahlil dan doa sebagai tanda kesyukuran serta memohon keberkatan bagi menyambut Ramadan yang bakal tiba.

Turut hadir dalam majlis ini, Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK; Ahli-Ahli Majlis serta warga anggota MPKK.



MINI PELANCARAN OPS RAMADAN 2025 DAERAH KULIM DAN WALKABOUT

04 Mac 2025 - Pejabat Kesihatan Daerah Kulim dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Kulim telah melancarkan Ops Ramadan 2025 dan sesi *walkabout* di Tapak Bazar Ramadan Taman Sang Kancil, Lunas Kulim .



Majlis ini telah disempurnakan oleh Encik Mohd. Khaidir bin Abd. Hamid, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan), Jabatan Kesihatan Negeri Kedah; Dr. Mohd Zukri bin Ibrahim, Pegawai Kesihatan Daerah Kulim; Encik Ahmad Shakir bin Arus, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran MPKK, serta Encik Mohd Aswad B. Mat Zain, Timbalan Ketua Cawangan Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Kulim.

Majlis diteruskan dengan *walkabout* di tapak bazar. Pasukan pemeriksa yang terdiri daripada anggota Pejabat Kesihatan Daerah Kulim dan KPDN Kulim telah menjalankan pemeriksaan ke atas 81 peniaga yang beroperasi di bazar tersebut.

Diharapkan inisiatif ini dapat meningkatkan kesedaran peniaga tentang kepentingan penyediaan makanan yang berkualiti serta menjadikan Bazar Ramadan sebagai lokasi yang lebih bersih, selamat, dan selesa untuk semua.



CERAMAH RAMADAN 1446H/2025M MENGHAYATI BULAN MULIA

13 Mac 2025 - Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah menganjurkan Ceramah Ramadan 1446H/2025M bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, MPKK. Ceramah istimewa ini disampaikan oleh YBhg. Dato' Syeikh Ahmad Faisol bin Hj Omar, mantan Pegawai Hal Ehwal Islam Negeri Kedah.

Ceramah dengan tajuk "Menjaga Keseimbangan Antara Ibadah dan Kerja Tanpa Mengorbankan Prestasi", memberi panduan berguna kepada warga MPKK dalam menyeimbangkan tanggungjawab kerja dan amal ibadah sepanjang Ramadan. Para peserta diberikan pengisian rohani yang menyentuh hati, mendalami hikmah Ramadan, serta memperkukuhkan kefahaman tentang amalan yang membawa keberkatan dalam kehidupan seharian.

Semoga perkongsian ilmu ini dapat memberi inspirasi dan menyemarakkan lagi semangat kita dalam menjalani ibadah sepanjang Ramadan.



MAJLIS PENUTUP TADARUS 1446H/2025M, PUSPANITA MAJLIS PERBANDARAN KULIM



24 Mac 2025 - Majlis Penutup Tadarus Al-Quran 1446H/2025M anjuran PUSPANITA MPKK telah berlangsung dengan penuh kesyukuran di Surau Az-Zuhud, MPKK. Seramai 59 orang anggota PUSPANITA telah mengambil bahagian dalam program tadarus yang diadakan sepanjang bulan Ramadan sebagai usaha menyemarakkan budaya membaca dan menghayati Al-Quran.

YBhg. Datin Azlina binti Md. Zuki, Pengerusi PUSPANITA MPKK dan Cawangan Kecil Daerah Kulim, dalam ucapannya menekankan kepentingan menjadikan Al-Quran sebagai amalan berterusan dalam kehidupan seharian, bukan hanya pada bulan Ramadan.

Majlis turut diserikan dengan Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Ustazah Norhafizah binti Radzali dalam suasana yang penuh ketenangan dan keberkatan.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua urus setia yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis ini.

Semoga segala usaha kita mendapat ganjaran daripada Allah SWT dan menjadi pemangkin kepada kehidupan yang lebih berpaksikan Al-Quran.



MAJLIS PENUTUP TADARUS AL-QURAN DAN SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI 2025

24 Mac 2025 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah mengadakan Majlis Penutup Tadarus Al-Quran dan Penyerahan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri 2025 bagi menyemarakkan semangat Ramadan dalam kalangan warga kerja.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK dalam menyampaikan ucapan, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada PUSPANITA MPKK atas usaha murni menganjurkan Majlis Tadarus Al-Quran ini. "Program sebegini bukan sahaja mengukuhkan nilai-nilai keagamaan dalam kalangan warga kerja, malah turut mengeratkan silaturahim sesama warga MPKK".

"Bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini adalah masa terbaik untuk memperbanyakkan amalan, khususnya membaca dan menghayati Al-Quran. Amalan tersebut bukan sahaja meningkatkan kerohanian, malah menyemai ketenangan jiwa, ketakwaan serta keimanan. Membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran dapat menyucikan hati dan menjadi sumber kekuatan rohani".

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada peserta Tadarus Al-Quran yang berjaya mengkhataamkan Al-Quran sepanjang Ramadan. YBhg. Datin Azlina binti Md. Zuki, Pengerusi PUSPANITA MPKK dan Cawangan Kecil Daerah Kulim menyempurnakan sesi penyampaian cenderahati ini sebagai tanda penghargaan atas komitmen peserta dalam mendalami dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran.

Sebagai simbol keprihatinan dan kebersamaan, sumbangan Hari Raya Aidilfitri turut disampaikan oleh Yang Dipertua MPKK kepada setiap jabatan. Sumbangan ini bukan sekadar tanda penghargaan MPKK dalam mengiktiraf pengorbanan anggota yang sentiasa memastikan penyampaian perkhidmatan terus dan berjalan lancar. Semoga Ramadan terus menjadi panduan dalam kehidupan kita dan Aidilfitri yang bakal tiba membawa sinar kebahagiaan buat semua.





PROGRAM KASIH RAMADAN DAN SUMBANGAN AIDILFITRI 2025

24 Mac 2025 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) terus memperkukuh hubungan dengan komuniti melalui inisiatif tanggungjawab sosial yang menyemai nilai kasih sayang dan keprihatinan.

Program Kasih Ramadan dan Sumbangan Aidilfitri 2025 yang berlangsung di Dewan Bandaran Kulim menjadi simbol usaha menyantuni golongan kurang berkemampuan agar turut merasai kegembiraan menyambut Syawal yang bakal menjelma. Seramai 180 orang penerima daripada zon Ahli Majlis dan Pegawai Kawasan (Area Officer) terdiri daripada golongan asnaf menerima sumbangan melalui program ini. Inisiatif ini mencerminkan semangat kebersamaan dan tanggungjawab sosial MPKK terhadap kesejahteraan masyarakat setempat.

YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK dalam ucapan menyatakan bahawa, program ini bukan sekadar penyampaian sumbangan, tetapi lambang keprihatinan dan ukhuwah yang perlu disemai secara berterusan. Ia bertujuan meringankan beban mereka yang memerlukan, agar Aidilfitri dapat disambut dengan penuh makna dan kegembiraan.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian tazkirah Ramadan oleh Ustaz Mohd Iskandar Shah bin Ibrahim, Ahli Majlis Zon 03 MPKK, turut menyemarakkan pengisian rohani dalam program ini dengan penyampaian mesej kasih sayang, keinsafan dan keikhlasan dalam beramal sepanjang bulan mulia ini.

Hadir sama dalam program ini, YBhg. Datin Azlina binti Md. Zuki, Pengerusi PUSPANITA MPKK dan Cawangan Kecil Daerah Kulim; Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK; Tuan Haji Badrol Hisam bin Mohd Yusof, Ketua Whip Ahli Majlis MPKK; Ahli-Ahli Majlis bersama pegawai kawasan MPKK; pengarah jabatan dan anggota yang terlibat.

Semoga semangat Ramadan terus menyinari hati kita, dan Aidilfitri kali ini menjadi lebih bermakna dengan perkongsian rezeki bersama mereka golongan yang memerlukan. Satu sumbangan, seribu senyuman.



PROGRAM JERAYAWARA BAZAR RAMADAN KELANG LAMA

25 Mac 2025 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Kulim dan Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Daerah Kulim (KPDN) serta PERKESO Kulim telah berjaya melaksanakan Program Jerayawara Bazar Ramadan di Kelang Lama, Kulim.

Jerayawara ini bukan sahaja bertujuan meninjau para peniaga untuk memastikan amalan terbaik dalam mengendalikan operasi bazar Ramadan sentiasa dilaksanakan, malahan melihat sendiri agar peniaga mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Aspek kebersihan, keselamatan makanan dan penyediaan persekitaran yang selamat turut diberi penekanan agar bazar menjadi lebih diyakini dan mesra pengguna.

Majlis ini telah disempurnakan dengan kehadiran YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK. Turut hadir bersama ialah Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK; Encik Ahmad Shakir bin Arus, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran MPKK; Encik Badrulhilmi bin Sulaiman, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MPKK serta barisan pegawai lain yang turut sama menjayakan program ini.

MPKK merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Kejayaan penganjuran program ini membuktikan bahawa kolaborasi antara pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan dan para peniaga mampu meningkatkan mutu bazar Ramadan di Kulim demi kesejahteraan pengguna dan kemajuan ekonomi setempat.



MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI 1446H/2025M

17 April 2025 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menganjurkan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 1446H/2025M yang berlangsung meriah bertempat di Dewan Bandaran, Kulim.

Majlis ini bukan sekadar jamuan, tetapi simbol ukhuwah, kebersamaan dan silaturrahim antara warga kerja MPKK bersama tetamu kehormat, pemimpin tempatan, mantan Yang Dipertua dan Setiausaha MPKK, Ahli Majlis, rakan strategik media, serta wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta.

Dalam ucapan penuh makna, YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK, menzahirkan rasa syukur atas kesempatan masa dan kesihatan yang diberikan untuk berkumpul dalam suasana Syawal yang meriah. Beliau turut merakamkan jutaan terima kasih kepada jawatankuasa urus setia majlis yang telah menunjukkan komitmen dalam menjayakan sambutan ini.

Majlis ini bukan sekadar jamuan, tetapi medan meraikan kemenangan selepas sebulan berpuasa, sambil mengeratkan hubungan sesama warga. Kemeriahan jelas terasa apabila pelbagai gerai makanan yang diwakili oleh jabatan-jabatan MPKK menghiasi ruang dewan, menghidangkan juadah tradisional yang membangkitkan nostalgia lebaran.

Majlis turut diserikan dengan hidangan tradisional raya, persembahan menarik daripada warga MPKK dan tetamu jemputan dengan suasana penuh warna-warni menjadikan sambutan Aidilfitri tahun ini benar-benar istimewa dan penuh kenangan manis.

MPKK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh warga Kulim. Semoga semangat Syawal ini terus mengukuhkan komitmen kita bersama untuk terus menyumbang kepada kemajuan dan kesejahteraan bandar yang kita cintai.



LENSA MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI 1446H/2025M





UNITY FEST KULIM 2025 : HIDUP BERSAMA HARMONI

20 April 2025,— Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah menganjurkan Unity Fest Kulim 2025 bertempat di Dataran Putra, Kulim.

Antara agensi yang turut terlibat di dalam pameran seperti PDRM, BOMBA, AADK, Lembaga Zakat Negeri Kedah, KWSP, Jabatan Kebajikan Masyarakat, E-idaman Sdn. Bhd, PERKESO, serta institusi kewangan dan kaunter MPKK juga memperlihatkan komitmen bersama dalam menjayakan agenda komuniti yang inklusif.

Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Puan Setiausaha MPKK, dalam ucapan perasmian, menekankan bahawa program ini adalah inisiatif Majlis di bawah Program Kemampunan Komuniti Bandar (PKKB) dengan sokongan KPKT. bertujuan untuk memupuk perpaduan, keharmonian, dan kepelbagaian budaya dalam kalangan masyarakat setempat.

Para pengunjung turut dihiburkan dengan persembahan memukau daripada Kumpulan Permata Rumah Amal Kulim dan persembahan angklung oleh pelajar Sekolah Kebangsaan Taman Mutiara, memperlihatkan bakat dan semangat generasi muda dalam memelihara warisan budaya.

Turut hadir, Tuan Anwarrul Aswad bin Ahmad, Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kesejahteraan Komuniti Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan; Tuan Haji Badrol Hisam Bin Mohd Yusoff, Ketua Whip Ahli Majlis MPKK; Puan Noriah Binti Mohd Ramli, Ahli Majlis Zon 8, Puan Che Murshiha binti Makhtar, Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPKK.



PROGRAM KOMUNITI LESTARI LA21 : HIDUP BERSAMA HARMONI 2025

18 Mei 2025 - Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah mengadakan Program Komuniti Lestari LA21: Hidup Bersama Harmoni 2025 bertempat di Pusat Komuniti Bandar, Taman Lembah Impiana, Kulim.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Puan Setiausaha MPKK mewakili YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK. Dalam ucapan Dato' Yang Dipertua, beliau menekankan bahawa program ini bukan sekadar aktiviti gotong-royong, tetapi juga merupakan satu platform penting yang menggabungkan pendidikan komuniti, pemerksaan masyarakat dan kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar.

Usaha seperti ini mampu memupuk semangat kebersamaan serta mendidik masyarakat agar lebih peka terhadap isu-isu semasa seperti pencemaran, perubahan iklim dan ketidaksamarataan sosial.

Dalam suasana masyarakat yang semakin kurang berinteraksi, Dato' Yang Dipertua percaya program seperti ini mampu merapatkan semula hubungan sesama jiran serta menggalakkan budaya saling membantu dan bekerjasama demi kesejahteraan bersama.

Para hadirin turut menyaksikan pelancaran Jawatankuasa Bencana bagi setiap zon Ahli-Ahli Majlis MPKK. Penyerahan peralatan seperti mesin pemotong kayu (chainsaw) kepada setiap zon menjadi simbol komitmen MPKK dalam memperkasakan komuniti. Peralatan ini dapat dimanfaatkan oleh komuniti agar dapat bersedia dan membantu melaksanakan tindakan awalan sekiranya berlaku bencana yang memerlukan bantuan komuniti berdekatan.

Melalui program ini, satu sesi bengkel "Pembuatan Akuaponik di Rumah" yang dikendalikan oleh Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Farizal bin Rajemi dari UUM. Bengkel ini memberi pendedahan berguna kepada peserta mengenai sistem akuaponik yang mudah dibina di rumah, satu usaha yang menyokong gaya hidup hijau dan berdikari. Turut hadir, Tuan Haji Badrol Hisam bin Mohd Yusoff, Ketua Whip Ahli Majlis MPKK; Puan Norhayati binti Amran, Ahli Majlis Zon 9 MPKK, Ahli-Ahli Majlis MPKK, Ketua-ketua jabatan agensi kerajaan dan swasta daerah Kulim, Pengarah jabatan, ketua bahagian serta unit MPKK.





KEMERIAHAN KARNIVAL HARMONI KELUARGA KULIM 2025 ERATKAN JALINAN WARGA KULIM

31 Mei 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) dengan kerjasama Food Hunter telah mengadakan Karnival Komuniti Keluarga 2025 bertempat di Taman Tasik Putra, Kulim. Karnival yang berlangsung di Zon 03 ini dimulakan dengan ucapan aluan daripada Ahli Majlis Zon 03, Ustaz Mohd Iskandar Shah bin Ibrahim. Dalam ucapannya, beliau menzahirkan rasa syukur kepada Allah SWT dan berterima kasih kepada pihak penganjur serta Yang Dipertua MPKK atas kelulusan dan sokongan penuh terhadap penganjuran karnival ini.

Majlis perasmian kemudiannya disempurnakan oleh Yang Dipertua MPKK, YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff. Dalam ucapannya, Dato' Yang Dipertua menegaskan bahawa karnival ini bukan sekadar program santai masyarakat, malah ia membawa tema dan misi besar dalam menyemai nilai-nilai kekeluargaan, perpaduan serta kesejahteraan dalam kalangan warga Kulim. Bertemakan "Kesehatan, Kebudayaan dan Kesejahteraan Komuniti Ke Arah Kemampanan".

Dato' Yang Dipertua turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atas kelulusan peruntukan pelaksanaan program-program impak tinggi bersama komuniti seperti ini.

Penubuhan Jawatankuasa Bencana Zon Ahli Majlis oleh MPKK pada 18 Mei lalu adalah sebagai langkah awal kesiapsiagaan menghadapi bencana seperti banjir dan tanah runtuh. Karnival ini turut menyaksikan sesi Hari Bertemu Pelanggan, memberikan peluang kepada warga Kulim untuk menyuarakan isu dan pandangan secara terus kepada pihak MPKK, mencerminkan komitmen keterbukaan serta keprihatinan pihak berkuasa tempatan terhadap komuniti.

Turut hadir memeriahkan karnival ialah Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK; Tuan Haji Badrol Hisam bin Mohd Yusoff, Ketua Whip Ahli Majlis MPKK; Ahli-Ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan anggota MPKK.





IBADAH QURBAN MPKK 2025 “SEMARAK UKHWAH, TULUS PENGORBANAN”

09 Jun 2025 - Program Ibadah Qurban 1446H/2025M anjuran Kelab Kebajikan dan Sukan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah berlangsung bertempat di Surau Az-Zuhud MPKK, program ini menjadi wadah memperkukuh ukhuwah serta menyemai semangat pengorbanan dalam kalangan warga kerja MPKK.

Sebanyak 3 ekor lembu telah dikorbankan dalam suasana penuh semangat gotong-royong dan kebersamaan. Aktiviti penyembelihan, melapah, memasak, dan penyediaan juadah dilakukan secara bersama-sama, mencerminkan nilai murni kerjasama, saling membantu dan silaturahim yang erat dalam kalangan kakitangan.

Program ini bukan sekadar memenuhi tuntutan ibadah, malah menjadi ruang menyuburkan nilai pengorbanan dan kasih sayang sesama insan, menyatukan hati-hati dalam suasana penuh harmoni dan keberkatan. Sebelum jamuan, majlis dimulakan dengan bacaan tahlil dan doa selamat.

Turut hadir, YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK; Ahli Majlis MPKK; Ketua- ketua Jabatan dan anggota MPKK.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada urus setia dan seluruh warga MPKK yang telah bertungkus lumus menjayakan program ini.

Semoga segala ibadah dan pengorbanan yang dicurahkan diterima Allah SWT, serta terus menjadi pemangkin kepada perpaduan, keharmonian, dan kekuatan organisasi MPKK.



BENGKEL TATACARA DAN BIDANG TUGAS WARDEN TRAFIK

Bengkel Tatacara dan Bidang Tugas Warden Trafik telah diadakan selama dua hari di Dewan Alamanda, Kulim Inn, melibatkan anggota Polis Trafik PDRM dan Jabatan Penguatkuasaan MPKK.

Bengkel ini memberi pendedahan komprehensif mengenai tugas Warden Trafik di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Melalui sesi teori dan latihan praktikal yang dikendalikan oleh Tuan ASP Mohd Fauzi Md Isa, Ketua Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik IPD Kulim, peserta memperoleh kemahiran untuk mengawal lalu lintas dengan lebih berkesan, sekaligus menyokong usaha meningkatkan keselamatan jalan raya di kawasan mereka.

Bengkel ini diakhiri dengan ucapan penutup oleh Tuan SUPT Hj Zulkifli bin Hj Azizan, Ketua Polis Daerah Kulim, yang menekankan kepentingan peranan Warden Trafik dalam memastikan keselamatan dan kelancaran lalu lintas



BENGKEL TRANSFORMASI DIGITAL : NATIONAL BIM e-SUBMISSION BAGI KELULUSAN PELAN BANGUNAN



23 Januari 2025 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menganjurkan Bengkel Transformasi Digital: National BIM e-Submission (NBES). Bengkel ini bertujuan memperkenalkan platform National BIM e-Submission (NBES) sebagai langkah strategik untuk merevolusikan proses kelulusan pelan bangunan khususnya di Daerah Kulim dan seterusnya dapat disebar luas pelaksanaannya ke seluruh Malaysia.

Pembentangan utama telah disampaikan oleh pakar industri antaranya perkongsian daripada Ts. Nor Azian binti Hashim, Pengurus Kanan CIDB Malaysia, yang menerangkan peranan penting NBES dalam mempercepatkan penyelarasan data teknikal dan Ar. Haji Mohd. Nazri Bin Harun, wakil MPKK, yang berkongsi pengalaman MPKK dalam pelaksanaan projek berteraskan BIM.

BENGKEL “FOCUS GROUP DISCUSSION” (FGD) KAJIAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR DAN MAMPAN KULIM 2035

24 Februari 2025 – Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah menganjurkan Bengkel ‘Focus Group Discussion’ (FGD) bagi Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Mampan Kulim 2035 di Dewan Bandaran Kulim. Bengkel ini bertujuan untuk mengumpulkan pandangan dan maklum balas daripada pelbagai pihak dalam merangka pelan strategik ke arah pembangunan bandar pintar yang mampan dan inklusif.

Bengkel ini turut diisi dengan beberapa sesi taklimat. Puan Wirda Asmat membentangkan Blueprint Bandar Pintar Kedah, manakala TPr. Juwairiyah Ho, Ketua Perunding Iktisad Planners Sdn Bhd, menjelaskan mengenai Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Mampan Kedah 2035 serta tatacara sesi perbincangan



KURSUS PENGENDALIAN ADUAN PELANGGAN

21 dan 22 April 2025 - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) telah mengadakan Kursus Pengendalian Aduan Pelanggan, bersama penceramah Encik Zulkifli bin Ahmad.

Di MPKK, kami percaya bahawa setiap anggota adalah kunci kejayaan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Oleh itu, kursus ini dirancang dengan matlamat untuk:-

- i) Meningkatkan kemahiran komunikasi yang jelas dan berkesan dalam menyelesaikan isu-isu pelanggan dengan lebih empati;
- ii) Semangat berpasukan melalui latihan simulasi yang melibatkan kerjasama antara peserta
- iii) Menghadapi situasi konflik secara profesional dan mencari penyelesaian terbaik tanpa ketegangan
- iv) Meningkatkan kecekapan dalam menyampaikan perkhidmatan serta merancang strategi penambahbaikan proses dalaman.

MPKK berazam untuk menjadi contoh kepada perkhidmatan awam yang cekap, mesra, dan profesional. Bersama-sama kita menjadi lebih kuat, lebih cekap, dan lebih bersemangat untuk menghadapi setiap cabaran yang datang!



MESYUARAT PELARASAN PENGANJURAN KONVESYEN WANITA DAN UNDANG-UNDANG PERINGKAT NEGERI KEDAH TAHUN 2025



14 Januari 2025 - Mesyuarat Penyelaras Penganjuran Konvokesyen Wanita dan Undang-Undang Peringkat Negeri Kedah 2025 telah dipengerusikan oleh YB Dato' Hajah Halimaton Shaadiah binti Saad, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat Perpaduan Negeri Kedah, bertempat di Bilik Al-Hikmah Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK). Hadir bersama dalam mesyuarat ini, YB Dato'

Ustazah Hajah Siti Ashah binti Haji Ghazali, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Kemiskinan dan Pembangunan Insan Negeri Kedah.

LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS DAERAH MARANG (MDM) KE MPKK MEMPERKASAKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

25 Februari 2025 – Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) menerima kunjungan hormat dan lawatan penandaarasan daripada Majlis Daerah Marang (MDM). Taklimat Pelaksanaan Inisiatif E10 turut disampaikan oleh TPr Haji Hamzah bin Ab Halim, Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap MPKK, yang berkongsi pendekatan strategik MPKK dalam pembangunan bandar pintar serta usaha meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.



Delegasi MDM yang diketuai oleh YBrs. Tuan Haji Lukema Meri bin Salleh @ Abdul Latif, Yang Dipertua MDM, telah disambut mesra oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha MPKK. Sesi dimulakan dengan ucapan aluan daripada beliau, diikuti dengan ucapan balas oleh Yang Dipertua MDM.

KUNJUNGAN HORMAT FOUNDER DAN CHAIRMAN EVE ENERGY KE MPKK



16 Mac 2025 (Ahad) - Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) menerima kunjungan hormat daripada Founder dan Chairman EVE Energy, satu *pertemuan bermakna* dalam usaha menjadikan Kulim sebagai pusat teknologi hijau dan tenaga masa depan.

Delegasi lawatan dari EVE Energy yang diketuai oleh Dr. Jincheng Liu, Pengerusi EVE Energy, turut disertai oleh beberapa pegawai utama syarikat.

KUNJUNGAN PELABUR CHINA KE MAJLIS PERBANDARAN KULIM (MPKK)

24 Mac 2025 - Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) menerima kunjungan hormat daripada delegasi pelabur industri China dari PTL New Energy Technology Co., Ltd. yang diketuai oleh Zhongwei Han Timbalan Pengurus Besar Eksekutif, Kumpulan Putailai (Ketua Perniagaan Luar Negara).



Kunjungan ini membuka ruang perbincangan dan kerjasama strategik antara pihak MPKK dan pelabur luar negara dalam menjadikan Kulim sebagai hab teknologi tenaga baharu dan pintar di Daerah Kulim.

SESI LIBAT URUS MPKK BERSAMA INDUSTRIAL PARK MANAGEMENT COMMITTEE (IPMC)

21 Mei 2025 – Sesi libat urus melalui satu mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK telah diadakan bersama pihak Industrial Park Management Committee (IPMC) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK). Kehadiran wakil-wakil penting daripada pihak Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) dan agensi kerajaan yang terlibat memberi impak yang sangat positif bagi membincangkan isu-isu strategik demi kemajuan kawasan perindustrian Kulim.

Ahli FMM yang hadir diketuai oleh Puan Farah Wahida Ismail, Pengerusi IPMC Kulim manakala agensi rakan strategik yang turut hadir adalah wakil daripada pihak Invest Kedah Berhad; Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah (BPEN), PBT Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim serta Pejabat Perhilitan.

Kerjasama dan komitmen padu semua pihak dalam sesi libat urus ini jelas menunjukkan usaha berterusan untuk memajukan sektor perindustrian di daerah Kulim. Pelbagai isu penting telah dibincangkan serta maklum balas daripada MPKK dan agensi yang disampaikan kepada pihak IPMC diharap dapat memberi input penting secara menyeluruh.



LAWATAN PRA AUDIT DAN PASCA AUDIT PROJEK INFRA

5 – 7 Mei 2025 - Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) berbesar hati menerima kehadiran delegasi Lawatan Pra Audit dan Pasca Audit yang diketuai oleh Cik Zabidah binti Daud, Pengarah Bahagian Pasca Pelaburan, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bersama pasukan audit melibatkan wakil-wakil daripada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), MIDA Kedah/Perlis, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Kedah, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Kedah, Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kedah, Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Negeri Kedah dan Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA).



YBhg. Dato' Haji Elmi bin Yusoff, Yang Dipertua MPKK juga telah hadir semasa lawatan tersebut bersama-sama pegawai dan anggota daripada Jabatan Kejuruteraan serta Unit Audit Dalam MPKK. Lawatan ini diadakan bagi meninjau pelaksanaan Projek Menaik taraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Berintegrasi Sedia Ada (Projek Infra) di bawah RMKe-12 Tahun 2025.

Tujuan dan objektif lawatan pra audit ini adalah untuk menilai keadaan komponen infrastruktur yang telah dicadangkan untuk dinaik taraf oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)/ Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk dinaik taraf serta memastikan projek yang dicadangkan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi (KE), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan MIDA.

MPKK telah mengemukakan beberapa projek infra untuk dinaik taraf demi kesejahteraan penduduk Kulim dan kemudahan pelabur yang beroperasi di Daerah Kulim bagi peruntukan tahun 2025.



OPERASI BERSEPADU JABATAN PENGUATKUASAAN DAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

21 Januari hingga 03 Februari 2025 - Jabatan Penguatkuasaan, Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah melaksanakan Operasi Bersepadu dengan kerjasama pelbagai agensi dalaman dan luar. Operasi ini melibatkan agensi seperti jabatan dalaman Bahagian Pelesenan, Jabatan Kesihatan Persekitaran MPKK, agensi luaran iaitu Pejabat Kesihatan Daerah Kulim (PKD), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), PDRM, serta Pejabat Agama Kulim.

Tujuan utama operasi ini dijalankan adalah untuk memastikan para peniaga di Kulim mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan, khususnya dari aspek keselamatan, kebersihan dan kesihatan awam. Hasil daripada operasi tersebut, beberapa kompaun telah dikeluarkan kepada peniaga yang didapati melanggar peraturan, antaranya menjalankan perniagaan tanpa lesen, tidak menyediakan perangkap minyak, serta gagal mendapatkan suntikan tifoid.



21 April 2025 - Operasi bersepadu telah dijalankan di premis makanan kawasan Kulim dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Kulim (PKD Kulim) dan Jabatan Penguatkuasaan MPKK. Operasi ini melibatkan pemeriksaan terhadap 6 restoran yang beroperasi di kawasan tersebut.

Hasil daripada pemeriksaan, sebanyak 4 kompaun di atas pelbagai kesalahan kepada pemilik restoran dan premis telah dikeluarkan dan beberapa premis telah diarah tutup oleh pihak PKD Kulim kerana melanggar peraturan yang ditetapkan.

Tindakan tegas ini diambil sebagai langkah untuk memastikan kesihatan awam dan keselamatan pengguna sentiasa terjamin.



OPERASI BERSEPADU JABATAN PENGUATKUASAAN DAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

OPERASI BERSEPADU

23 April 2025 - Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) telah menjalankan satu operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Bahagian Pelesenan, Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Jabatan Penguatkuasaan. Operasi tersebut dijalankan di sekitar kawasan Padang Serai.

Operasi bersepadu dilaksanakan bertujuan untuk memastikan setiap penaja dan peniaga mematuhi syarat lesen serta tidak menyalahgunakan ruang awam seperti kaki lima dan petak parkir.

Tiga lokasi utama menjadi tumpuan iaitu :

- 1) Taman Serai Wangi, sebanyak 12 premis diperiksa dan notis bertulis telah diserahkan kepada pemilik yang melanggar syarat.
- 2) Taman Ria, 1 premis turut dikenakan tindakan dengan 1 notis dikeluarkan.
- 3) Taman Mahsuri, 2 notis serta 2 kompaun telah dikeluarkan kepada peniaga yang menjalankan perniagaan tanpa lesen sah.



IKLAN HARAM? TINDAKAN TEGAS MPKK DEMI KETERATURAN BANDAR!

Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) melalui Bahagian Pelesenan, Jabatan Kesihatan Persekitaran telah melaksanakan satu operasi pembersihan ke atas gegantung, kain rentang haram, serta iklan yang telah tamat tempoh di sekitar kawasan Kulim.

Operasi ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MPKK dalam memastikan persekitaran bandar kekal bersih, teratur dan mematuhi Undang-Undang Kecil Iklan (MPKK) 2010 berkaitan pengiklanan. Dalam operasi terbaru ini, sebanyak 45 gegantung dan 7 kain rentang telah diturunkan kerana dipasang tanpa kelulusan atau dibiarkan tergantung selepas tamat tempoh sah lesen.

MPKK menasihatkan semua pihak agar memohon lesen terlebih dahulu sebelum mempamerkan sebarang bahan iklan, serta memastikan iklan diturunkan sebaik sahaja tempoh yang dibenarkan tamat. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.



TOWARDS THE SMART CITY

Urusan semakan, tempahan dan pembayaran bil Majlis Perbandaran Kulim kini lebih mudah



Aduan



Cukai Taksiran



Lesen / Permit



Kompaun Trafik



Petak Khas



Bil Pelbagai



Sewaan



Pengiklanan




Lesen Anjing



Bazar Ramadhan



I-kerja



INOVASI TERKINI DI Hujung
JARI ANDA

SILA IMBAS QR CODE YANG TERTERA
UNTUK LAYARI LAMAN WEB RASMI
PERKHIDMATAN MPKK



DITERBITKAN OLEH :

Unit Komunikasi Korporat Dan Perhubungan Awam,
Majlis Perbandaran Kulim,
No 1, Lebuhr Bandar 2, Bandar Putra
09000 Kulim
Kedah Darul Aman

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam
apa jua bentuk penerbitan
tidak dibenarkan kecuali dengan
kebenaran bertulis daripada pihak MPKK.